


## NOTIS PRA-KELAYAKAN

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) sebagai pemaju projek dan pemilik asset **Projek Mass Rapid Transit Laluan 3: Laluan Lingkaran (MRT3)**. MRT Corp melalui anak syarikatnya iaitu MRT LINGKARAN SDN BHD akan melaksana dan menyiapkan pembinaan projek MRT3 ini.

Projek MRT3 ini adalah laluan terakhir yang penting untuk melengkapkan jaringan rel bandar (*urban rail network*) bagi Lembah Klang. Jajarannya bakal melingkari pinggiran bandaraya Kuala Lumpur dan akan berhubung dengan laluan-laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel sedia ada di 10 stesen pertukaran. Rangkaian rel metro ini akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi penduduk di Lembah Klang apabila ia siap sepenuhnya.

MRT Lingkaran Sdn Bhd mempelawa bakal Pemohon untuk mengambil bahagian dalam Pra-Kelayakan bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK PRA-KELAYAKAN DAN NOMBOR PRA-KELAYAKAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	SYARAT-SYARAT PRA-KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN PRA-KELAYAKAN	TAKLIMAT PRA-KELAYAKAN (MANDATORI)
<p><b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3)</b></p> <p><i>PACKAGE STC301: THE APPOINTMENT OF SYSTEMS TURNKEY CONTRACTOR (STC) FOR PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3)</i></p> <p>PRA-KELAYAKAN NO.: CCL-MRTC-STC301- OVPR-PRQ-000001</p>	<p>a) <b>Kontraktor Tempatan</b></p> <p>i) *Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB yang sah.</p> <p>(Sekurang-kurangnya satu (1) daripada rakan kongsi memiliki pendaftaran ini bagi Pemohon Usahasama/ Konsortium)</p> <p>CIDB Gred: G7 Kategori: ME</p> <p>ii) Memiliki sijil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah.</p> <p>b) <b>Kontraktor Asing</b></p> <p>Kontraktor asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p>	<p>i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan. Penyertaan kontraktor asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/ Konsortium bersama Kontraktor tempatan.</p> <p>ii. Usahasama/Konsortium hendaklah tidak melebihi empat (4) buah syarikat.</p> <p>iii. Ekuiti Usahasama /Konsortium hendaklah sekurang-kurangnya 60% daripada syarikat tempatan dan maksimum 40% bagi syarikat asing.</p> <p>iv. Rakan kongsi utama mestilah daripada syarikat tempatan Malaysia dan memegang ekuiti (blok) Usahasama/Konsortium terbesar.</p> <p><b>Definisi:-</b> Sebuah syarikat dianggap sebagai syarikat Malaysia/ tempatan sekiranya 70% (atau lebih) sahamnya dipegang oleh rakyat Malaysia secara efektif berdasarkan Akuan Berkanun (Statutory Declaration) bagi Pemilik Benefisial Mutlak (Ultimate Beneficial Owners).</p>	<p><b>RM6,500.00</b> (Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus Sahaja)</p> <p>dalam bentuk <b>Deraf Bank / Cek Bank</b></p> <p>pembayaran kepada:- <b>MRT Lingkaran Sdn Bhd</b> (1458772-V;202201013075)</p>	<p><b>Tarikh : Rabu, 19 Oktober 2022</b> <b>Masa : 10.30 pagi</b> <b>Melalui : Platform Zoom (Atlas Talian)</b></p> <p>Semua Pemohon dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a></li> <li><a href="https://forms.gle/1TKXpRPHZnT5g1b9">https://forms.gle/1TKXpRPHZnT5g1b9</a></li> <li>Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li> </ol>  <p>Pendaftaran bermula pada <b>Jumaat, 23 September 2022.</b></p> <p>Pemohon yang telah berdaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat Pra-Kelayakan secara dalam talian.</p>

### KRITERIA MANDATORI

KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<p>i. <u>Kelayakan Pemohon:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua rakan kongsi Usahasama/Konsortium hendaklah mempunyai pengalaman di dalam kerja-kerja sistem rel.</li> <li>Salah satu rakan kongsi Usahasama/Konsortium adalah <b>Pengeluar Peralatan Asli (OEM)/Pembekal Tren Elektrik (ET)</b>.</li> <li>Telah membekalkan sekurang-kurangnya <b>70 buah gerabak tren elektrik</b> secara kumulatif di dalam tempoh 10 tahun terdahulu bagi Gred Automasi – Level 4 (GoA 4).</li> <li>Sekiranya salah satu rakan kongsi adalah <b>Pembekal Tren Elektrik, Surat Jaminan secara back-to-back</b> daripada OEM adalah diperlukan.</li> </ul> <p><b>DAN</b></p> <p>ii. <u>Rekod Pengalaman Pemohon</u></p> <p>Pemohon telah dianugerahkan atau berjaya menyiapkan projek sistem keretapi dengan nilai kontrak terkumpul sebanyak RM1 billion bagi tempoh 10 tahun terdahulu.</p> <p>Bagi Usahasama/Konsortium, rekod pengalaman bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan di ambil kira secara agregat.</p> <p><b>Definisi:-</b> <b>Pembekal Tren Elektrik</b> ditakrifkan sebagai mana-mana syarikat yang bukan Pengeluar Peralatan Asli (OEM) tren elektrik metro, hendaklah mempunyai pengalaman dan rekod kerja dalam menguruskan kontrak ET dan/atau pemasangan tren, dan hendaklah menyediakan loji/kemudahan pemasangan ET di Malaysia untuk tujuan pelaksanaan projek ini.</p>	<p>i. <b>Dana Pemegang Saham*</b> (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM 150 juta</p> <p>ii. <b>EBITDA terkumpul</b> sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah <b>positif</b>.</p> <p><b>Nota:</b> *Bagi penyertaan secara Usahasama/ Konsortium, penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/Konsortium.</p>

Hanya Pemohon yang telah menghadiri Taklimat Pra-Kelayakan Mandatori dan menandatangani Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA) sahaja akan dibenarkan untuk meneliti dan membeli dokumen Pra-Kelayakan. Dokumen Pra-Kelayakan boleh dibeli (**secara temujanji sahaja**) mulai **19 Oktober 2022 sehingga 16 Disember 2022** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p><b>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</b> Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&amp;P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Tarikh serahan bagi dokumen Pra-Kelayakan ini adalah pada Jumaat, **16 Disember 2022, tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan dokumen Pra-Kelayakan ini tidak akan diterima.

#### Nota:

- Permohonan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah dikemukakan bersama dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan nama syarikat rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah "*Jointly and Severally Liable*" bagi Syarikat Usahasama/Konsortium tersebut. Pemohon tidak dibenarkan menukar ahli syarikat Usahasama/Konsortium sepanjang tempoh Pra-Kelayakan ini, tempoh tender dan sewaktu tempoh kontrak.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pra-Kelayakan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada [procurement.system@mymrt.com.my](mailto:procurement.system@mymrt.com.my). Untuk maklumat lanjut berkenaan MRT Corp, sila layari laman web di alamat [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).